

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini dibahagikan kepada tiga perkara utama iaitu:

- a) Perbincangan tentang permasalahan pelajar dalam menguasai tajwid.
- b) Merumuskan secara umum penguasaan pelajar dalam tajwid.
- c) Membuat cadangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi pelajar dan bagaimana cara untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam tajwid al-Qur'ân.

5.2 Rumusan

Melalui perbincangan dan dapatan semasa menganalisis jawapan soal selidik pelajar, dapat penulis perelaskan bahawa kebanyakan masalah yang dihadapi oleh pelajar untuk menguasai tajwid al-Qur'ân adalah terletak kepada dua punca utama iaitu:

- a) Sikap pelajar itu sendiri
- b) Cara pengajaran guru

5.2.1 Sikap Pelajar Sendiri

Rata-rata pelajar dalam jawapan memberi kesukaran menguasai tajwid berpunca daripada tidak memahami konsep bahagian-bahagian tajwid seperti tidak memahami tentang Waqaf dan Ibtidā', isymām dan sebagainya. Manakala alasan kedua pula berpunca daripada tidak ada model untuk memberi bacaan yang betul. Pada pandangan penulis, sepatutnya pelajar tidak menghadapi masalah berpunca daripada perkara di atas kerana pelajar sepatutnya meminta penjelasan daripada guru-guru mereka tentang masalah mereka. Mereka perlu membuat pertanyaan dan seterusnya membuat pembacaan di hadapan guru-guru mereka.

Berpandukan latar belakang keluarga pula, sebahagian besar dalam keluarga mempunyai ahli yang pandai dalam tajwid. Mereka sepatutnya membuat pertanyaan dengan ahli keluarga mereka tentang pemasalahan mereka. Jangan harapkan guru semata-mata kerana guru mempunyai batasan waktu. Ini ditambah pula dengan bilangan mereka yang ramai dan sudah tentu guru tidak mampu untuk menguruskan masalah sekiranya tidak diberitahu oleh pelajar.

5.2.2 Cara Pengajaran Guru

Cara pengajaran guru merupakan satu faktor yang besar yang boleh mempengaruhi penguasaan pelajar dalam tajwid. Berdasarkan soal selidik, bilangan guru yang mengajar tajwid al-Qur'ān secara teori ialah tiga orang dan

guru yang sama mengajar tajwid al-Qur'ān secara amali. Bilangan guru yang mengajar sebenarnya tidak mencukupi dan juga boleh dijadikan sebab kenapa pelajar kurang menguasai tajwid al-Qur'ān.

Ditinjau kepada penggunaan alat bantu mengajar (ABM), semasa mengajar tajwid al-Qur'ān secara teori, hampir 90% pelajar memberi jawapan guru guru menggunakan kaedah lama iaitu "chalk and talk". Guru-guru tidak menggunakan alatan yang moden seperti video, OHP, komputer dan lain-lain.

Begitu juga dengan pengajaran guru dalam amali al-Qur'ān, hampir 80% pelajar mengatakan guru tidak menggunakan makmal bahasa, video, OHP, komputer dan lain-lain yang lebih canggih. Melalui jawapan pelajar ini jelas menunjukkan bahawa ramai pelajar kurang berupaya menguasai tajwid al-Qur'ān adalah berpunca daripada hilangnya minat pelajar terhadap pelajaran kerana guru-guru banyak menggunakan kaedah yang lama. Ini bertepatan dengan sebab pelajar kurang berupaya menguasai tajwid kerana kekurangan model. Guru sepatutnya menggunakan video sekali sekala untuk menunjukkan kepada pelajar cara bacaan yang betul.

Ditinjau cara pengajaran pula, hampir 90% pelajar menyatakan bahawa pengajaran al-Qur'ān dimulakan dengan bacaan oleh guru, kemudian pelajar ikut membaca. Guru kemudian akan membuat pembetulan bacaan murid. Cara pengajaran yang sedemikian mengikut pandangan penulis amat baik, tetapi ia memakan masa yang lama kerana guru terpaksa menghabiskan semua bacaan

murid sekelas. Guru terpaksa menghadapi kekangan masa dan secara langsung pengajaran akan menjadi lambat. Apabila pengajaran lambat sudah tentulah sukatan matapelajaran tajwid lambat habis diajar.

Penggunaan istilah semasa pengajaran guru juga mempengaruhi penguasaan tajwid di kalangan pelajar. Kebanyakan guru menggunakan istilah tajwid dalam Bahasa Arab berbanding dengan tajwid dalam bahasa Melayu. Kaedah ini amat bersesuaian dengan matapelajaran tajwid al-Qur'ân. Guru juga telah membuat penerangan dalam bahasa Melayu untuk memberi daya kefahaman yang lebih kepada pelajar dan seterusnya menguasai ilmu tajwid.

Secara umumnya terdapat perkaitan yang rapat antara sikap pelajar dan cara pengajaran guru. Kegagalan guru mengajar dengan baik dan berkesan serta sikap pelajar yang tidak suka bertanya boleh menyebabkan timbul kesukaran untuk menguasai ilmu tajwid al-Qur'ân.

Walaupun bagaimanapun, secara keseluruhannya boleh dikatakan pelajar boleh menguasai mata pelajaran tajwid. Menurut guru mereka yang mengadakan perbincangan dengan penulis, mereka memberi faktor masa untuk pelajar menguasai tajwid. Pelajar perlu kepada masa antara 3 - 5 tahun lagi untuk menjadi pelajar yang cekap dalam ilmu tajwid. Berbanding sekarang ini, ia mengambil masa tiga tahun dengan kekerapan dua kali seminggu. Faktor masa juga menyebabkan penilaian terhadap pelajar hanya dengan cara bertulis iaitu dengan menjawab soalan-soalan yang berbentuk teori semata-mata. Sedangkan

keutamaan penguasaan tajwid perlu dinilai dalam bentuk amali atau ujian lisan. Di antara hasil temu bual penulis dengan guru-guru, mereka mencadangkan supaya pada masa akan datang, penilaian dilakukan dalam bentuk lisan dengan memperuntukan masa yang secukupnya.

Daripada sembilan bahagian tajwid, beberapa bahagian ,menimbulkan masalah besar kepada pelajar iaitu masalah makhraj 88%, kesukaran menguasai sifat huruf 56% dan kesukaran menguasai hukum Mim mati 46.7% .

Hasil daripada ujian bertulis (Jadual 17), didapati sampel yang mendapat markah 91 – 100 hanya 8 orang, iaitu sebanyak 10.7%, manakala yang mendapat 81 – 90 seramai 22 orang (29.3%), 71 – 80 seramai 26 orang (34.7%), 61-70 pula seramai 11 orang (14.7%) dan yang mendapat markah 50-60 seramai 8 orang (10.7%).

Jadual 17: Analisa Ujian Bertulis terhadap Sampel Kajian.

Markah Pencapaian (%)	Bilangan	%
91 – 100	8	10.7
81 – 90	22	29.3
71 – 80	26	34.7
61 – 70	11	14.7
50 – 60	8	10.7

Walaupun ujian ini menyaksikan 100% kelulusan tetapi hanya 30 orang daripada mereka iaitu 40% yang cemerlang (markah 81 – 100). Angka ini sepatutnya perlu ditingkatkan lagi kerana Tajwid merupakan matapelajaran pengkhususan mereka.

Selain daripada itu, 10 orang daripada sampel masing-masing telah menyampaikan bacaan mereka selama 10 minit setiap orang. Bacaan tersebut dirakamkan ke dalam kaset. Aspek-aspek yang dinilai dalam ujian lisan ini merangkumi semua aspek penting dalam Tajwid, seperti makhraj huruf, hukum Nun Mati dan tanwin, hukum Mim Mati, hukum Mad, waqaf dan ibtidā', hukum saktah, hukum Ra' dan Lam dan sebagainya. Tiap-tiap kesalahan bacaan dipotong satu markah. Ujian tersebut menyaksikan markah tertinggi yang diperolehi hanya 85%.

Sesungguhnya dalam kajian ini dapat penulis katakan bahawa pelajar boleh menguasai tajwid al-Qur'ān tetapi memerlukan masa, bimbingan yang baik daripada guru serta minat yang tinggi sebagaimana harapan keluarga dan pelajar sendiri untuk mendalami ilmu agama.

5.3 Cadangan Untuk Meningkatkan Penguasaan Pelajar Dalam Tajwid Al-Qur'an

Berdasar kepada soal selidik dan pemerhatian yang dibuat, banyak kemudahan-kemudahan pembelajaran tidak terdapat di Sekolah Ma'had Tahfiz al-Qur'an Yayasan Islam Kelantan. Ini menyebabkan minat dan tumpuan pelajar kepada pelajaran tajwid berkurangan. Setelah mengetahui kelemahan pelajar dan punca-punca yang menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai dengan berkesan tajwid al-Qur'an, penulis merumuskan beberapa cadangan yang dikira penting untuk dipenuhi oleh pihak pentadbir Ma'had Tahfiz Yayasan Islam Kelantan.

5.3.1 Bantuan Kerajaan Negeri

Memandangkan Sekolah Ma'had Tahfiz Al-Qur'an ini di bawah tadbir kerajaan Negeri Kelantan, adalah tidak menjadi masalah kepada pihak pentadbir untuk berhubung dengan pihak kerajaan bagi mendapat bantuan demi untuk meningkatkan infrastruktur di sekolah berkenaan. Infrastruktur yang dimaksudkan ialah dari segi kelengkapan bangunan, khususnya makmal bahasa. Makmal bahasa amat penting untuk melancarkan perjalanan pengajaran tajwid. Melalui soal selidik hampir 100% pelajar memberi jawapan penggunaan makmal bahasa tidak pernah diadakan, baik semasa pengajaran teori mahupun amali tajwid al-Qur'an. Pengabaian terhadap sesuatu yang penting ini sebenarnya masalah yang besar kepada pelajar untuk menguasai tajwid al-Qur'an. Melalui penggunaan makmal bahasa ini pelbagai aktiviti bahasa dapat dilakukan terutama

dalam menyediakan model-model bacaan yang lebih banyak untuk diperdengarkan kepada pelajar.

5.3.2 Meningkatkan Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM)

Alat bantu mengajar (ABM) merupakan sesuatu yang penting dalam meningkatkan pengajaran di kalangan guru. Melalui pemerhatian penulis semasa pengajaran guru, rata-rata guru banyak menggunakan kaedah lama semasa mengajar. Mereka banyak menggunakan papan hitam, buku teks, nota-nota dan rajah. Kaedah ini merupakan kaedah yang lama. Oleh itu pihak sekolah seharusnya melengkapkan ABM dengan pelbagai alat yang moden seperti penggunaan video, OHP, komputer dan lain-lain lagi. Masalah ketiadaan alat-alat yang sedemikian akan membantutkan pengajaran guru dan seterusnya menyebabkan pelajar tidak banyak didedahkan dengan ilmu-ilmu bacaan al-Qur'an yang lebih berkesan. Pihak sekolah juga seharusnya memperbanyakkan penggunaan pita rakaman, VCD al-Qur'an dan sebagainya yang boleh memberi daya rangsangan dan seterusnya dapat meningkatkan penguasaan pelajar dalam tajwid al-Qur'an.

5.3.3 Memberi Motivasi Kepada Pelajar

Bidang tajwid memerlukan satu usaha yang bersungguh-sungguh untuk membolehkan pelajar menguasai ilmu tajwid al-Qur'an. Rata-rata pelajar

memberi jawapan timbul rasa jemu dalam diri mereka kerana terpaksa menghadapi pelajaran yang betul-betul mencabar keupayaan pemikiran mereka. Menyedari keadaan ini penulis mencadangkan agar pihak sekolah mengatur program-program untuk meningkatkan minat dan motivasi kepada pelajar. Melalui program ini, pihak sekolah bolehlah menjemput pakar motivasi dan juga guru-guru al-Qur'ân yang berwibawa untuk menyemai minat pelajar terhadap al-Qur'ân. Mereka boleh menggunakan program ini untuk mengikis sikap pelajar yang tidak suka bertanya. Keupayaan mengikis sikap ini akan menyebabkan pelajar menjadi lebih aktif dan seterusnya mempunyai semangat yang kental dalam menguasai tajwid al-Qur'ân. Melalui program ini juga pihak sekolah bolehlah menjemput qari-qari yang telah berjaya untuk memperdengarkan bacaan mereka kepada pelajar. Dengan adanya usaha ini diharapkan akan tersemat dalam diri pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh dalam tajwid al-Qur'ân.

5.3.4 Program Pendidikan Bersama Ibu Bapa

Ibu bapa mempunyai pengaruh yang kuat di dalam menentukan anak-anak mereka dapat menguasai ilmu tajwid. Pihak sekolah seharusnya mengambil langkah bekerjasama dengan ibu bapa yang mempunyai pengetahuan tentang ilmu tajwid. Pihak sekolah dicadangkan agar membuka kelas-kelas khas bagi pelajar untuk membolehkan para ibu bapa dapat menyumbangkan pengalaman mereka untuk memajukan ilmu tajwid. Mereka boleh memberi tunjuk ajar tentang bahagian-bahagian yang terkandung dalam ilmu tajwid, menunjukkan cara bacaan yang betul dan sebagainya. Ini menepati kepada penyelesaian masalah

yang dihadapi oleh pelajar yang sering memberi alasan kekurangan model-model untuk bacaan al-Qur'ān secara bertajwid dengan betul.

5.3.5 Program Pelajar Bersama Ibu Bapa Angkat

Salah satu alasan pelajar mengapa mereka merasa sukar untuk menguasai ilmu tajwid al-Qur'ān ialah timbulnya perasaan jemu untuk belajar kerana terlalu terikat dengan sukatan pelajaran. Dalam usaha mengatasi masalah ini pihak sekolah perlulah mengatur Program Pelajar Bersama Ibu bapa Angkat yang diadakan di kampung-kampung. Pelajar-pelajar yang lama dan sudah menguasai ilmu tajwid al-Qur'ān diperkenalkan kepada masyarakat kampung dan diberi penghormatan untuk membaca al-Qur'ān dikhalayak ramai dan menjadi imam kepada solat-solat terutamanya solat Tarāwih dibulan Ramadān. Dengan adanya pendedahan ini diharapkan pelajar akan merasa diri mereka diperlukan oleh masyarakat untuk meningkatkan dan membimbing mereka mendalami ilmu tajwid al-Qur'ān. Selain daripada itu mereka boleh belajar melalui keluarga angkat yang mahir al-Qur'ān.

5.3.6 Program Rakan Sebaya (PRS)

Program Rakan Sebaya (PRS) adalah salah satu cara yang boleh digunakan oleh pihak sekolah dalam usaha mengatasi kesukaran guru memberi pengajaran ilmu tajwid. Program ini menekankan penglibatan pelajar-pelajar

yang telah berjaya menguasai ilmu tajwid memberi khidmat mereka kepada sekolah dengan mengajar rakan-rakan mereka. Peranan mereka adalah membantu guru semasa pengajaran ilmu tajwid secara amali. Mereka boleh menunjukkan cara bacaan yang betul melalui sistem kumpulan. Program ini telah berjaya dilaksanakan di sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan dan hasilnya amat memberangsangkan dalam membantu pelajar bermasalah untuk menguasai pelajaran yang sukar dikuasai. Program ini menekankan pelajar membimbing pelajar bermasalah secara terperinci bahagian demi bahagian.

5.3.7 Program Peningkatan Staf

Melalui data-data yang terkumpul dalam soal selidik, ramai pelajar memberi jawapan guru tidak pernah menggunakan ABM yang berbentuk elektronik. Melalui tinjauan penulis, perkara ini jelas berlaku kerana sekolah tidak mempunyai ABM sedemikian. Pihak sekolah sepatutnya membeli peralatan yang sedemikian dan seharusnya memberi latihan kepada staf-staf. Pihak sekolah bolehlah menjemput tenaga profesional yang dapat memberi latihan kepada para guru atau menghantar mereka berkursus tentang cara-cara menggunakan peralatan seperti OHP, video, komputer dan lain-lain. Diharapkan dengan adanya usaha yang sedemikian akan membolehkan para guru meningkatkan lagi mutu pengajaran dan mempelbagai kaedah pengajaran supaya bidang ilmu tajwid mudah dikuasai oleh pelajar.

5.3.8 Pertandingan Bacaan Al-Qur'ân

Sememangnya aktiviti pertandingan bacaan al-Qur'ân dapat melahirkan lebih ramai qari dan qariah yang mempunyai bacaan al-Qur'ân yang baik. Bagi meningkatkan lagi mutu bacaan, pihak sekolah sepatutnya menganjurkan lebih banyak pertandingan al-Qur'ân peringkat sekolah dan memberi hadiah yang menarik. Pertandingan ini membolehkan pelajar mempamerkan bacaan mereka masing-masing dengan cara yang terbaik.. Melalui program ini juga, pihak sekolah boleh menjemput qari-qari yang telah berjaya untuk memperdengarkan bacaan mereka. Diharap dengan adanya usaha ini, pelajar boleh menjadikannya panduan dan model bacaan bagi mengatasi masalah kekurangan model bacaan guru.

5.4 Penutup

Sebagai kesimpulan, dapat dikatakan bahawa keupayaan pelajar menguasai tajwid masih lagi di peringkat agak baik. Mereka memerlukan masa yang panjang dan perancangan rapi daripada pihak sekolah untuk membendung segala kekurangan yang telah dibincangkan. Diharapkan segala rumusan dan cadangan pengkajian ini akan dijadikan panduan demi meningkatkan mutu penguasaan dan bacaan al-Qur'ân secara bertajwid.